



**KENANGAN:** Fuziah bergambar bersama tetamu jemputan dan warga UMS sempena Program Kembara Malaysia Rahmah Peringkat Negeri Sabah semalam.

# Mahasiswa Bitara diperlukan untuk warnai corak kepimpinan negara

UB 30.11.2019 |

**KOTA KINABALU:**

Mahasiswa perlu mempersiapkan diri dengan mengasah lingkung 'kebitaraan' agar mampu menjadi dan mewarnai corak kepimpinan negara pada masa akan datang, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Fuziah Salleh.

Beliau berkata terdapat beberapa elemen yang perlu diberi perhatian untuk menjadi 'Mahasiswa Bitara' iaitu idelisme, aktivisme, intelektualisme dan spritualisme dalam diri masing-masing.

"Elemen ini harus diadun secara seimbang,

komprehensif dan bersepadu dalam mendidik dan membangunkan generasi mahasiswa yang diharapkan untuk menjadi pemimpin negara pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sesi Townhall Program Kembara Malaysia Rahmah Peringkat Negeri Sabah di Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang turut dihadiri Naib Canselor UMS Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin.

Menurut beliau, Mahasiswa Bitara bermaksud mahasiswa unggul yang hebat dan melahirkan lebih

ramai Mahasiswa Bitara adalah selaras dengan hasrat kerajaan pada masa kini.

Mengulas mengenai program itu, Fuziah berkata ia bertujuan untuk menanamkan sifat Rahmah kepada para pelajar yang dianjurkan dengan kerjasama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

"Terdapat lima elemen Rahmah iaitu ramah, harmoni, mesra, alami dan hormat untuk diaplikasikan dalam kehidupan seorang mahasiswa untuk memastikan negara ini terus aman dan damai." — Bernama